



LAPORAN PERKHIDMATAN PSIKOLOGI KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN TAHUN 2024

**UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

LAPORAN PERKHIDMATAN PSIKOLOGI PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PERKHIDMATAN AWAM KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN TAHUN 2024

Pengenalan

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) diwujudkan pada 15 Mei 1964 iaitu bersempena Hari Belia Negara. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah diamanahkan untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Malaysia khususnya dalam pembangunan belia dan sukan.

Visi

Membantu pengurusan sumber manusia dalam membangunkan warga organisasi yang sejahtera minda, emosi dan tingkah laku

Misi

- Melaksanakan dasar-dasar perkhidmatan psikologi yang dikeluarkan Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam
- Melaksanakan aplikasi psikologi dalam pengurusan sumber manusia
- Membangunkan bakat dalam kerjaya dan pembangunan insan kepada semua warga organisasi
- Membantu warga organisasi dalam membudayakan kecemerlangan dan minda kelas pertama dalam perkhidmatan

Nama Menteri :

- YB Hannah Yeoh

Nama Ketua Setiausaha :

- YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu

Nama Setiausaha Bahagian :

- Puan Rai'dah binti Mohd Yaman

A) APLIKASI PSIKOLOGI DALAM INTERVENSI (KAUNSELING)

Aplikasi psikologi dalam intervensi (kaunseling) telah dilaksanakan melalui pendekatan kaunseling individu, kaunseling kelompok, bimbingan dan juga konsultasi. Berikut adalah jumlah kes dan bilangan sesi kaunseling yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024:



JENIS SESI	JUMLAH SESI	JANTINA	
		LELAKI	PEREMPUAN
Sesi Kaunseling Individu (Bersemuka)	20	5	3
Sesi Kaunseling Kelompok	10	13	15
Sesi Bimbingan dan Konsultasi	45	11	21
E- Kaunseling	10	3	2
JUMLAH	85	32	41

Selain itu, pelaksanaan aplikasi psikologi dalam intervensi kaunseling juga turut melaksanakan beberapa program yang melibatkan warga kementerian dan jabatan di bawahnya bagi tujuan intervensi secara keseluruhannya. Berikut adalah senarai program yang telah dilaksanakan:

BIL	PROGRAM	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1.	Psikologi Pagi	Hari Isnin Setiap minggu	-
2.	Webinar Bicara AKRAB KBS		
	Siri 1/2024: "Self Reward"	17 Januari 2024	500
	Siri 2/2024: "Sementara"	15 Februari 2024	263
	Siri 3/2024: Betulkan Yang Biasa, Biasakan Yang Betul	14 Mac 2024	167
	Siri 4/2024: Bahagia	24 April 2024	201
	Siri 5/2024: Ulang Tahun Kelahiran, Perlukah Meraikannya?	30 Mei 2024	189
3.	Bengkel <i>Training of Trainer</i> Pementoran	5 Mac 2024	11
4.	Kursus Pemantapan AKRAB	26 - 28 Ogos 2024	40
5.	Mesyuarat Penyelarasan AKRAB		
	Bil.1/2024	12 Januari 2024	17
	Bil.2/2024	17 Oktober 2024	9

1. PROGRAM PSIKOLOGI PAGI

Program Psikologi Pagi merupakan sesi perkongsian psikologi secara siar raya di Menara Kementerian Belia dan Sukan oleh Unit Pengurusan Psikologi dan ahli AKRAB Kementerian Belia dan Sukan yang dilaksanakan pada hari Isnin setiap minggu. Perkongsian ini membantu warga KBS celik akal berkaitan psikologi dan kaunseling sekali gus sebagai *platform* memperkenalkan Unit Pengurusan Psikologi KBS dan ahli AKRAB kepada warga KBS.



2. WEBINAR BICARA AKRAB KBS

Program ini adalah sesi perkongsian psikologi yang dikendalikan oleh AKRAB KBS secara atas talian. Program ini telah dilaksanakan sebanyak lima (5) siri sepanjang tahun 2024 dan melibatkan AKRAB KBS dan pegawai daripada Unit Psikologi sebagai panel jemputan. Secara keseluruhan, para peserta berpendapat program ini memberi manfaat kepada diri dan seterusnya kepada organisasi.



3. BENGKEL *TRAINING OF TRAINER* PEMENTORAN

Bengkel *Training Of Trainer* Pementoran telah dilaksanakan pada 5 Mac 2024 di Podium A, Menara KBS. Seramai 11 orang peserta telah menghadiri bengkel ini. Program yang berlangsung satu hari ini telah dilaksanakan dengan jayanya berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh peserta. Peserta bersetuju bahawa bengkel ini telah memberi manfaat kepada diri. Peserta juga bersetuju program ini telah mencapai objektif program iaitu memberi pendedahan berhubung peranan dan keperluan pementoran dalam perkhidmatan awam serta kemahiran perhubungan pementoran.




4. PROGRAM PEMANTAPAN AKRAB

Program ini telah dilaksanakan pada 26 hingga 28 Ogos 2024 di Kompleks Rakan Muda Desaru, Johor. Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada ahli AKRAB KBS telah menghadiri program ini. Program Pemantapan AKRAB ini telah mencapai objektif yang ditetapkan. Peserta telah dapat merasai sendiri berhadapan dengan situasi sebenar di mana mereka telah melaksanakan aktiviti dan perkongsian pengalaman daripada Pegawai Penjara di Penjara Dusun Dato' Murad, Melaka. Peserta juga telah didedahkan dengan terapi air di Kompleks Rakan Muda, Desaru. Secara keseluruhannya program yang dilaksanakan selama tiga hari ini berjalan dengan lancar dan peserta berpendapat program ini dapat memberi manfaat kepada diri.



5. MESYUARAT PENYELARASAN AKRAB

Mesyuarat Penyelarasan AKRAB Kementerian Belia dan Sukan telah diadakan sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2024. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk merancang dan melaksana aktiviti AKRAB bagi tahun 2024. Ahli Jawatankuasa AKRAB KBS telah memberi komitmen sepenuhnya menghadiri mesyuarat ini. Secara keseluruhannya, mesyuarat ini memberi impak yang baik kepada ahli AKRAB KBS dalam merancang dan mengendalikan program dengan berstruktur dan cemerlang. Mesyuarat ini juga turut berperanan sebagai *platform* untuk menjalinkan hubungan erat di antara ahli AKRAB dan Unit Pengurusan Psikologi KBS.



B) APLIKASI PSIKOLOGI DALAM PEMBANGUNAN PERSONEL (PROGRAM PEMBANGUNAN)

Terdapat empat (4) program yang telah dilaksanakan bagi pelaksanaan program-program pembangunan di sepanjang tahun 2024 di Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Program-program adalah seperti jadual di bawah:

BIL	PROGRAM	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1.	Program Tingkatkan Prestasi Kurangkan Kontroversi		
	Siri 1 (dalam talian)	20 – 21 Mac 2024	300
	Siri 2	30 April 2024	39
	Siri 3	23 Oktober 2024	40
2.	Program Bijak Mengurus Wang	11 Jun 2024	13
3.	Program Personaliti OSEM	24 Ogos 2024	27
4.	Program Bicara Psikologi (dalam talian)	5 Oktober 2023	218



1. PROGRAM TINGKATKAN PRESTASI KURANGKAN KONTROVERSI

Program ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan tindakan tentang keakuran mematuhi peraturan dan prosedur kerja. Selain itu, program ini juga adalah untuk mewujudkan kesedaran kepentingan keseronokan bekerja agar merasa sejahtera

semasa berada di tempat kerja. Secara keseluruhannya program yang dilaksanakan ini telah berjalan dengan lancar. Para peserta berpendapat program ini dapat memberi manfaat kepada diri pegawai seterusnya kepada organisasi. Program ini telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) siri seperti berikut:

1.1 Program Tingkatkan Prestasi Kurangkan Kontroversi Siri 1/2024

Program ini dilaksanakan pada 20 dan 21 Mac 2024 secara atas talian. Seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada warga KBS telah menghadiri program ini. Program ini juga menekankan tiga (3) perkara penting dalam pembentukan nilai penjawat awam iaitu integriti, psikologi dan sahsiah (kerohanian). Peserta telah memberi maklum balas yang baik dan mencadangkan program dilaksanakan secara bersemuka di lokasi mereka bertugas.



1.2 Program Tingkatkan Prestasi Kurangkan Kontroversi Siri 2/2024

Program ini dilaksanakan pada 30 April 2024 dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak. Seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada pegawai JBSN Negeri Perak telah menghadiri program ini. Peserta telah memberi maklum balas yang baik dan mencadangkan program dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memperkukuh dan meningkatkan motivasi serta keseronokan bekerja di kalangan pegawai khususnya di JBSN Perak.



1.3 Program Tingkatkan Prestasi Kurangkan Kontroversi Siri 3/2024

Program ini dilaksanakan pada 23 Oktober 2024 dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor. Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada pegawai JBSN Selangor telah menghadiri program ini. Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik daripada peserta.



2. PROGRAM BIJAK MENGURUS WANG

Program telah dilaksanakan pada 11 Jun 2024 dengan kerjasama Surau Al-Qawiy Al-Amin, Kementerian Belia dan Sukan. Seramai 13 orang peserta yang terdiri daripada warga KBS telah terpilih menyertai program ini. Objektif program adalah untuk memberi kefahaman kepada peserta keperluan pengurusan kewangan peribadi. Kesimpulannya program yang dijalankan telah mencapai objektif program yang telah digariskan dengan memberikan input-input berkaitan kesedaran dan kemahiran bagi menguruskan aliran tunai dengan lebih berkesan.





3. PROGRAM PERSONALITI OSEM

Program Personaliti OSEM telah dilaksanakan pada 10 hingga 12 September 2024 di Dewan Podium A, Menara KBS. Seramai 27 orang peserta yang terdiri daripada warga KBS telah menyertai program ini. Program ini telah berjaya mencapai objektif iaitu memupuk budaya kerja berasaskan tingkah laku konsisten, dedikasi, berdisiplin dan komited dalam organisasi. Selain itu, program ini juga telah meningkatkan kefahaman dan tindakan peserta terhadap tingkah laku budaya kerja konsisten, dedikasi, berdisiplin dan komited melalui pendekatan psikologi.



4. PROGRAM BICARA PSIKOLOGI

Program ini telah dilaksanakan pada 15 Oktober 2024 secara atas talian. Seramai 218 orang peserta yang terdiri daripada warga KBS telah menyertai program ini. Objektif program adalah memberi pendedahan dan kesedaran kepada peserta tentang memiliki imej, personaliti dan keterampilan diri yang profesional di dalam meningkatkan keyakinan diri dan mampu memacu prestasi kerja ke puncak kecemerlangan. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh peserta semua peserta bersetuju bahawa bengkel ini telah memberi manfaat kepada diri peserta.



C) APLIKASI PSIKOLOGI DALAM PENILAIAN PERSONEL (UJIAN PSIKOLOGI)

Bagi pelaksanaan aplikasi dalam penilaian personel (ujian psikologi) pula telah dibuat secara individu dan juga melalui program yang dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Psikologi. Ia bertujuan membantu Pengurus Sumber Manusia memahami minat, personaliti, emosi, sikap dan pencapaian seseorang dengan menggunakan ujian psikologi. Aplikasi ini digunakan semasa urusan pemilihan, penempatan, pengurusan prestasi dan pembangunan kompetensi. Berikut adalah beberapa jenis ujian yang telah digunakan sepanjang tahun 2024. Antaranya adalah:

- i. Tingkah Laku
- ii. *Depression Anxiety Stress Scale (DASS 21)*
- iii. Indikator Perwatakan Unggul
- iv. Ujian Adakah Anda *Burnout*
- v. Ujian Gaya Daya Tindak

BIL	UJIAN PSIKOLOGI	BILANGAN		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	PELAKSANA	LAIN-LAIN (PELAJAR/ ORANG AWAM)
1	<i>Depression Anxiety Stress Scale (DASS 21)</i>	183	243	93
2	Indikator Perwatakan Unggul	-	-	2710
3	Ujian Adakah Anda <i>Burnout</i>	54	244	40
4	Ujian Gaya Daya Tindak	85	52	32
5	Personaliti	6	38	-
6	Kualiti Pemimpin	5	10	18
7	Keyakinan Diri	2	3	2
8	<i>Big Five</i>	7	42	10
JUMLAH		3879		


D) APLIKASI PSIKOLOGI DALAM PENYELIDIKAN (KAJIAN)

Pada tahun 2024, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan empat (4) kajian kepada warga Kementerian. Kajian yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

BIL	TAJUK KAJIAN	TARIKH	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)
1	Tinjauan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Warga Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka	7 - 12 Ogos 2024	44
2	Tinjauan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Warga Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB)	7 - 11 Oktober 2024	34
3	Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia Perkhidmatan Awam Tahun 2024	1 - 30 Oktober 2024	1864
4	Kajian Kepuasan Kerja Warga KBS Tahun 2024	11-22 November 2024	3113
Jumlah Responden		5,055	


1. TINJAUAN KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN WARGA JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI MELAKA

Kajian ini telah dilaksanakan pada 7 hingga 12 Ogos 2024 atas permohonan Unit Integriti Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan kerja dalam kalangan warga Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka. Seramai 44 individu telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini.



2. TINJAUAN KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN WARGA BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA (BPKB)

Kajian ini telah dilaksanakan pada 7 hingga 11 Oktober 2024 atas permohonan Unit Integriti Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan kerja dalam kalangan warga BPKB. Seramai 34 individu telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini.



3. KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DAN KETERLIBATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kesejahteraan psikologi peringkat Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Tahap pengukuran adalah berdasarkan kepada lima (5) domain iaitu emosi positif, emosi negatif, kepuasan hidup, kefungsiian psikologi dan kesejahteraan sosial. Seramai 1864 individu telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini.

TERIMA KASIH !

Maklum Balas Telah Diterima

Bil.	Kem./ Jab./ Agensi	Bil. Warga Kerja (Rekod HRMIS)	Jumlah Respons (%)
1.	Kementerian Belia dan Sukan	2056	924 (45%)
2.	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia	25	32 (128%)
3.	Institut Sukan Negara	127	40 (31%)
4.	Jabatan Belia dan Sukan Negara	1299	241 (19%)
5.	Majlis Sukan Negara	192	95 (49%)
6.	Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia	46	33 (72%)
7.	Pejabat Penunjang Sukan	47	13 (28%)
8.	Perbadanan Stadium Malaysia	102	85 (83%)


SOAL SELIDIK KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI MALAYSIA BAGI PERKHIDMATAN AWAM (IKPM-PA) TAHUN 2024 TELAH TAMAT

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja yang telah memberikan komitmen dan usaha dalam pelaksanaan kajian IKPM-PA.

Komitmen dan usaha anda telah memainkan peranan penting dalam kejayaan kajian ini.

4. KAJIAN KEPUASAN KERJA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN TAHUN 2024

Kajian ini telah dilaksanakan pada 11 hingga 22 November 2024. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan kerja bagi warga Kementerian Belia dan Sukan. Bilangan responden bagi kajian ini adalah seramai 3113 orang yang terdiri daripada warga KBS yang bertugas di ibu pejabat dan di negeri-negeri. Hasil kajian ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KBS Bilangan 23 Tahun 2024 yang telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KBS pada 6 Disember 2024 (Jumaat).



Disediakan oleh,
Unit Pengurusan Psikologi
Kementerian Belia dan Sukan